

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT
NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 17 JULAI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 48

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1123-L5062
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan cara-cara untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh golongan nelayan khususnya nelayan di kawasan Johor Selatan seperti berikut:-
 - (a) Industri Petrokimia di Tanjung Langsat dan Tanjung Bin telah membawa gangguan yang besar kepada para nelayan terhadap penangkapan mereka; dan
 - (b) Pulau Buatan dan Janakuasa Arang Batu di Tanjung Bin telah membawa kemusnahan sumber ikan di kawasan tersebut.
2. PR-1123-L4822
Dr. Mohamed Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kesan kewangan, implikasi undang-undang dan kesan moral kepada negara hasil daripada pembatalan Jambatan bengkok yang menghubungkan Malaysia dengan Singapura.
3. PR-1123-L5267
Tuan Haji Abdul Fatah Bin Haji Harun [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan kecemerlangan akademik dalam pengajian dan pembelajaran di Universiti-Universiti dapat dipulihkan dan dipertingkatkan.
4. PR-1123-L4441
Dato' Ghazali Bin Ibrahim [Padang Terap] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan NAM News Network (NNN) dan negara manakah yang telah mula melanggan berita-berita daripada NNN ini.

5. PR-1123-L5112
Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perancangan terkini Kementerian di dalam membangunkan secara situasi 'menang-menang' terhadap tanah-tanah milik Melayu di pusat bandar.
6. PR-1123-L4843
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan telah menyiapkan kajian mengenai bidang kuasa mahkamah sivil dan syariah dan apakah langkah yang akan diambil untuk memantapkan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan dalam usaha memupuk persefahaman dan perhubungan harmoni rakyat jelata.
7. PR-1123-L4462
Ir. Shaari Bin Hassan [Tanah Merah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan setakat mana penguatkuasaan dan kepatuhan pelajar-pelajar sekolah tentang larangan penggunaan telefon mudah alih di sekolah dan apakah tindakan yang telah diambil kepada pelajar yang melanggar peraturan ini.
8. PR-1123-L4887
Tuan Markiman Bin Kobiran [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan alasan-alasan pihak Kementerian tidak menggalakkan pembinaan skim perumahan bercorak 'gated community' dan apakah syarat-syarat yang telah dikenakan terhadap beberapa pembangunan perumahan yang mendapat keistimewaan ini yang telah diluluskan oleh Kementerian di bawah kaedah ini.
9. PR-1123-L4481
Dato' Raja Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar [Larut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh mana kemampuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terutama Tentera Darat (TD) yang tidak lagi menumpukan kepada ancaman yang kelihatan 'perceived threat' atau 'threat-based', tetapi lebih kepada keperluan mendesak mengikut ancaman atau 'capability based'.
10. PR-1123-L4754
Dato' Paduka Badruddin Bin Amiruldin [Jerai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai Jawatankuasa Dasar Keselamatan Negara bagi menasihati Kerajaan dalam menjayakan projek pembangunan negara, agar setiap pembangunan ada ciri-ciri keselamatan yang boleh dipergunakan di waktu kecemasan, darurat atau peperangan.
11. PR-1123-L4952
Tuan Devamany A/L S. Krishnasamy [Cameron Highlands] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilakah Kementerian merancang untuk menubuhkan Kolej Komuniti di Cameron Highlands memandangkan dengan ketiadaan Institusi Pengajian Tinggi ataupun Institusi Kemahiran di kawasan ini menjejaskan pembangunan modal insan di kalangan penduduk di sini.

12. PR-1123-L4641
Datuk Dr. Rahman Bin Ismail [Gombak] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah sistem "Casc-Mix" akan dilaksanakan di hospital-hospital Kerajaan.
13. PR-1123-L5113
Dato' Abdul Rahman Bin Ariffin [Jerlun] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang memberi taraf kerakyatan Malaysia kepada wanita warga asing yang telah berkahwin dengan lelaki tempatan secara sah dan telah mempunyai anak bertaraf warganegara dan telah bersekolah di Malaysia.
14. PR-1123-L5367
Datuk Suhaili Bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) kenapakah Projek "Incinerator" atau TOPS di Labuan masih belum boleh digunakan walaupun ianya sudah siap sejak beberapa tahun yang lalu ; dan; dan
 - (b) apakah punca sebenar masalah projek tersebut menyebabkan ianya gagal untuk diserahkan kepada pihak Perbadanan Labuan untuk ditadbir urus.
15. PR-1123-L4991
Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
- (a) apakah yang menyebabkan kegagalan di dalam projek MSC sehingga YAB. Perdana Menteri terpaksa menamakan semula projek tersebut kepada Multimedia Super Corridor of Malaysia (MSC Malaysia); dan
 - (b) sebab-sebab Malaysia telah ketinggalan 10 tahun ke belakang dalam pembangunan ICT sedangkan sepatutnya kita mampu menjadi peneraju dan pesaing kepada Korea Selatan.
16. PR-1123-L4685
Tuan Mohd. Yusop Bin Majid [Setiu] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bentuk dan kaedah pemilihan pengerusi-pengerusi JKKK bagi kampung-kampung dan adakah Kerajaan bercadang untuk menetapkan kriteria tertentu dan kaedah tertentu agar dapat di selaraskan dan memberikan lebih kesan kepada peranan mereka di peringkat akar umbi.
17. PR-1123-L4917
Datuk Richard Riot Ak. Jaem [Serian] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan memandangkan SMK Tae dan SMK Tebakang terlalu sesak dari segi bilangan pelajar, adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menambahkan lagi bangunan-bangunan di kedua-dua sekolah tersebut.

18. PR-1123-L5420
Tuan Mohd. Daud Bin Haji Tarihep [Kuala Selangor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah dasar dan usaha Kementerian bagi menggalakkan pemilik-pemilik ladang di negara ini membangunkan sebahagian tanah mereka untuk dibina rumah kos rendah dan dijual kepada para pekerjanya.
19. PR-1123-L4673
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bimbang dan prihatin terhadap pergolakan di Selatan Thailand.
20. PR-1123-L5094
Tuan Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan berapakah pendapatan dan pengiklanan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) daripada TV1 dan TV2 mengikut tahun sejak 5 tahun kebelakangan ini.
21. PR-1123-L5042
Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai aksesori kereta di mana Kementerian mengeluarkan larangan untuk tidak boleh menggunakan beberapa aksesori kenderaan tetapi didapati aksesori yang tidak dibenarkan digunakan di kenderaan masih terjual secara berleluasa. Apakah Kementerian tidak sedar di mana Kementerian mengeluarkan larangan tetapi benda yang dilarang tersebut masih dijual di mana-mana.
22. PR-1123-L4617
Tuan Che Azmi Bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah dasar terkini Kerajaan mengenai pekerja asing dalam industri perikanan negara. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah dasar ini dan apakah rasionalnya.
23. PR-1123-L5212
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi keputusan Malaysian Airline System untuk menghentikan segala penerbangan domestik pada masa depan, khususnya berkenaan kesan-kesan buruk keputusan MAS itu terhadap negeri Sarawak.
24. PR-1123-L4319
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian bersedia untuk mensyaratkan kepada kontraktor utama pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu supaya memberikan kerja-kerja sub-kontrak kepada para kontraktor tempatan yang berkelayakan.

25. PR-1123-L4816
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada kaedah tender digunakan untuk meluluskan projek oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan pernahkah kaedah tersebut dikecualikan dalam kelulusan projek. Sila jelaskan jumlah kejadian pengecualian yang telah berlaku dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkannya.
26. PR-1123-L5196
Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada persetujuan telah dicapai oleh Kementerian bagi melaksanakan gaji minima di kalangan pekerja-pekerja sektor awam dan swasta di negara ini.
27. PR-1123-L4354
Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah Isi Rumah Termiskin Bandar bagi negeri Sabah dan di manakah mereka berada di Sabah dan berapakah pula Isi Rumah Termiskin Luar Bandar di Sabah.
28. PR-1123-L4504
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bilakah pencen bagi pesara Kerajaan ditingkatkan memandangkan turunnya kuasa membeli wang dan inflasi; dan
 - (b) jumlah pencen yang telah dibayar setiap tahun dan jumlah pesara.
29. PR-1123-L4256
Tuan Haji Fadillah Bin Yusof [Petra Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah signifikan daripada Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Lima tahun yang antara lain mengambil pendekatan mencampurkan tempat duduk pelajar pelbagai kaum ketika berada di dalam kelas dan sejauh manakah usaha ini dapat memupuk semangat perpaduan, kasih sayang dan toleransi di antara pelajar-pelajar ini.
30. PR-1123-L5458
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pelaksanaan hukuman mati yang dijalankan selepas sabitan Mahkamah sejak 31hb Ogos 1957. Berapa banyak daripada jumlah tersebut merupakan kaum wanita.

31. PR-1123-L4859
Datuk Abdul Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jurang pendapatan dan kuasa beli di antara kaum-kaum di Malaysia. Apakah usaha yang telah diambil bagi memastikan keseluruhan matlamat dasar ekonomi baru tercapai semaksimum mungkin bagi mengelak pemisahan sosial 'sosial division' yang berterusan.
32. PR-1123-L5499
Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan program-program membanteras dadah di negeri ini. Sejauh manakah benar kenyataan yang dilaporkan dalam akhbar bahawa dadah seperti Syabu boleh didapati dengan senangnya di Sabah dan apakah langkah-langkah lebih efektif akan diambil untuk mengatasi masalah ini.
33. PR-1123-L4401
Dato' Mohd Sarit Bin Haji Yusoh [Temerloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) keadaan inflasi negara sekarang; dan
 - (b) langkah-langkah yang diambil bagi membendung kenaikan inflasi ini.
34. PR-1123-L4416
Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh [Kuala Langat] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah penyelarasan telah dibuat dengan Kementerian-Kementerian lain termasuk pihak Imigresen mengenai konsep-konsep baru seperti pelancong pendidikan (edu-tourism), pelancong kesihatan (health-tourism) dan menggalakkan warga tua untuk membeli rumah dan tinggal di sini, dapat diperlicinkan memandangkan perkara-perkara ini tidak dapat dibereskan sehingga menyebabkan pelancong-pelancong melancong ke Thailand, Singapura dan Indonesia berbanding ke Malaysia.
35. PR-1123-L4352
Dato' Seri Diraja Syed Razlan Ibni Syed Putra Jamalullail [Arau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan siapakah yang bertanggungjawab untuk membersihkan jalan raya dari bangkai-bangkai haiwan yang ditimpa kemalangan memandangkan keadaan yang memualkan di jalan raya akan memberi impak yang negatif kepada pelancong.
36. PR-1123-L4969
Dato' Ismail Sabri Bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kuota yang ditetapkan kepada bank komersial dalam dan luar negara (Local and Foreign) untuk peminjam usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan apakah dasar dan penalti terhadap bank-bank tersebut yang gagal memenuhi kuota atau gagal untuk memberikan pinjaman kepada usahawan Industri Kecil dan Sederhana tersebut.

37. PR-1123-L4874
Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kriteria dan kelayakan yang diamalkan oleh Kerajaan dalam menawarkan nombor plat kenderaan 1 hingga 10 atau nombor-nombor tertentu secara percuma atau tender kepada agensi Kerajaan, Jabatan Kerajaan, anggota Pentadbiran Kerajaan dan lain-lain orang. Apakah manfaat kepada rakyat dan pembayar cukai dengan badan-badan tersebut memakai nombor-nombor tertentu itu.
38. PR-1123-L5537
Datuk Haji Mat Yasir Bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian telah menyediakan satu garis panduan kepada Ketua Kampung dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) supaya mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih cekap dan berapakah elaun yang diberikan kepada mereka.
39. PR-1123-L4773
Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis, bilangan usul dan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Kerajaan dan pembangkang dalam persidangan Parlimen sejak tahun 2003. Sejauh manakah usul pembangkang telah diterima dan disokong oleh Ahli Kerajaan, Ahli Dewan Rakyat penyokong Kerajaan dan 'vice versa' serta rasionalnya.
40. PR-1123-L4231
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah strategi dan program disediakan untuk membina kebudayaan Malaysia yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia dari pelbagai kaum.
41. PR-1123-L4529
Tan Sri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada JKR mempunyai rancangan untuk menangani masalah banjir teruk yang berlaku setiap kali selepas hujan lebat di kawasan Jalan Gopeng (Pulai-lpoh)
42. PR-1123-L4544
Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini penubuhan Malaysian International Aerospace Centre (MIAC) di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang. Perihalkan aktiviti-aktiviti MRO (maintenance, repair & overhaul), penerbangan am dan pengoperasian pusat helikopter dan pusat aeroangkasa yang sedang dijalankan. Apakah kesan dan manfaat kepada pembangunan negara.
43. PR-1123-L4222
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah (peratusan) anak-anak muda (children) dan murid di sekolah-sekolah rendah di Sarawak dan khususnya kawasan Parlimen Kanowit yang masih menghadapi masalah kurang zat makanan "malnutrition". Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

44. PR-1123-L4415
Dato' Chua Jui Meng [Bakri] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan Doktor Falsafah di negara ini dan nyatakan bidang tersebut dan bilangan penuntut bagi kursus Doktor Falsafah yang ditaja oleh Kerajaan sama ada di dalam atau luar negara bagi tahun 2000 hingga 2005 dan nyatakan bidangnya sekali.
45. PR-1123-L5116
Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh Bin Tun Said [Kota Belud] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Malaysia mempunyai pusat kitar semula atau pusat pelupusan sisa-sisa komponen barangan elektrik, elektronik dan telekomunikasi yang merbahaya kepada alam sekitar dan manusia. Apakah satu akta khas diperlukan bagi memastikan sisa komponen itu dilupuskan secara sempurna.
46. PR-1123-L5399
Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyak sekolah telah dibina bagi menampung pendidikan anak-anak pekerja asing di ladang-ladang besar di negara ini terutamanya di Sabah.
47. PR-1123-L4813
Datuk Rosli Bin Mat Hasan [Dungun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk membangunkan Pelabuhan Tok Bali, Chendering, Kuantan dan Mersing sebagai Pusat Perkapalan Perikanan Koridor Pantai Timur dan penyelenggaraan stor simpanan beku serta khidmat logistik bagi membolehkan hasil tangkapan dipasarkan dalam jangka masa yang singkat.
48. PR-1123-L4747
Dato' Dr Wan Azmi Bin Wan Ariffin [Sik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah Bahasa Inggeris yang masih lagi berlaku khususnya di kalangan pelajar-pelajar di kawasan luar bandar.
49. PR-1123-L5023
Datuk Ismail Bin Abd. Mutalib [Maran] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan secara pecahan dalam menganjurkan Sukan Malaysia (SUKMA) sejak ianya dimulakan. Apakah program ini dapat membantu mempertingkatkan lagi prestasi sukan negara di peringkat nasional dan antarabangsa.
50. PR-1123-L4534
Dato' Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mewujudkan semula semangat sukarelawan yang tinggi seperti generasi terdahulu yang tidak mengharapkan apa-apa balasan tetapi hanyalah rahmat dan pahala Allah S.W.T.

51. PR-1123-L5223
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai kejadian tanah runtuh sejak tahun 1970. Apakah tindakan berkesan terhadap mereka yang terlibat dengan kejadian-kejadian ini termasuk Highlands Tower (1993), Taman Hill View (2002) dan Kampung Pasir, Hulu Kelang (2006).
52. PR-1123-L4264
Datuk Haji Mohd. Razali Bin Che Mamat [Kuala Krai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai pemulihan reputasi dan penstrukturan semula Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS).
53. PR-1123-L5338
Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi penyakit Tibi dan Kusta (Leprosy) memandangkan kes-kes ini telah meningkat di negeri Sabah.
54. PR-1123-L4512
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa tindakan yang lebih tegas, seperti menarik balik permit atau lesen pembuatan minuman keras yang berjenis murah serta bermutu rendah, tidak diambil demi mengurangkan pengambilan alkohol yang telah dikenal pasti sebagai salah satu punca pelbagai gejala sosial di kalangan masyarakat kini.
55. PR-1123-L4586
Datuk Haji Mohd Said bin Haji Yusof [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kewajaran Jabatan Kastam Diraja Malaysia membelanjakan RM1 juta untuk membeli 10 buah TV Plasma untuk diagihkan kepada Pejabat-pejabat Kastam Negeri.
56. PR-1123-L5300
Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh PDRM untuk mengurangkan aktiviti perjudian melibatkan 'bookie' menjelang Piala Dunia pada bulan Jun ini.
57. PR-1123-L5324
Tan Sri Law Hieng Ding [Sarikei] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sebagai usaha mengurangkan kes-kes ragut atau kes-kes kecurian yang kian meningkat, adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi jumlah anggota Polis Berpakaian Periman dan memperkenalkan undang-undang yang lebih ketat.

58. PR-1123-L4252
Dato' Mohd Zaid Bin Ibrahim [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan serius dalam mendaulatkan undang-undang (The Rule Of Law) dan meletakkan Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara (The Supremacy of The Constitution).
59. PR-1123-L4601
Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah keadaan masalah ponteng sekolah di kalangan pelajar-pelajar sekolah sejak permulaan persekolahan pada tahun ini; dan
 - (b) apakah bimbingan dan usaha yang diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah ini.
60. PR-1123-L5522
Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) bagi mencapai sasaran 20 juta pelancong ke Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, apakah antara destinasi/aktiviti baru yang dijangka menjadi daya tarikan kepada pelancong luar negara ; dan
 - (b) jenis-jenis program strategi untuk mempromosikan dan memasarkan Malaysia terutama aktiviti yang dijalankan di luar negara.
61. PR-1123-L4810
Tuan Nasaruddin Bin Hashim [Parit] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi menyekat penyalahgunaan alat-alat multimedia seperti internet dan telefon terutamanya digunakan untuk penyebaran bahan-bahan lucah.
62. PR-1123-L5460
Brig. Gen (B) Datuk Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat mana nilai portfolio pelaburan Khazanah Nasional Berhad menunjukkan pertumbuhan berbanding dengan tahun 2005 serta setakat mana penyusunan semula syarikat-syarikat profil tinggi di bawah khazanah menunjukkan prestasi mereka berdasarkan keputusan kewangan suku kedua 2006 masing-masing.

63. PR-1123-L5218
Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh pasar raya bagi memasarkan jualan minuman keras kerana terdapat pasar raya yang menyediakan ruang minuman keras sebaris dengan minuman soda dan roti.
64. PR-1123-L4932
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status, kos dan kontraktor bagi projek Landasan Rel Berkembar Sentul-Batu Caves, khususnya sebab-sebab kenaikan 55% harganya kepada RM650 juta berbanding dengan harganya tiga tahun yang lalu.
65. PR-1123-L4695
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) tarikh tawaran umum dibuat sebelum Sabah Shipyard disewakan kepada Realmild Sdn. Bhd.; dan
 - (b) kedudukan kewangan Realmild termasuk jumlah hutangnya ketika Sabah Shipyard disewakan kepadanya dan jumlah bayaran sewaan tahunan yang mesti dibayar oleh Realmild.
66. PR-1123-L5432
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mewujudkan industri hiliran yang berasaskan getah di Parlimen Tenom.
67. PR-1123-L4787
Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah peraturan-peraturan atau undang-undang yang tercatat bagi mendefinisikan SRJK (C) sebagai sekolah bantuan penuh dan sekolah bantuan modal yang terdapat dalam Akta Pelajaran 1966 ; dan
 - (b) jumlah murid dan kelas bahasa mandarin yang telah diadakan di sekolah menengah di negeri Selangor.
68. PR-1123-L5337
Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan memandangkan penutupan lebih dari 400 buah sekolah-sekolah di seluruh negara disebabkan kekurangan pelajar-pelajar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu pelajar-pelajar yang terlibat khususnya di kawasan pedalaman di negeri Sabah supaya pembelajaran mereka tidak diganggu.

69. PR-1123-L5176
Tuan Lau Yeng Peng [Puchong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan meluluskan cadangan pembinaan sebuah 'interchange' di laluan persekutuan 3215 Jalan Putra Permai dan Lebuhraya Putrajaya - KL sebagai alternatif untuk mengurangkan kesesakan di pekan Seri Kembangan serta memendekkan perjalanan penduduk di kawasan tersebut ke Putrajaya dan Kuala Lumpur.
70. PR-1123-L4905
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementeriannya akan mewajibkan sesiapa yang mendakwa dirinya mempunyai kuasa luar biasa (misalnya bomoh) atau menggunakan nama agama untuk menjalankan rawatan mendaftar dengan Kementerian untuk mengelakkan sebarang penipuan.
71. PR-1123-L4557
Datuk Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan punca kegagalan sebahagian usahawan bumiputera. Apakah harapan Kementerian terhadap penubuhan Institut Usahawan Negara untuk melahirkan lebih ramai golongan usahawan bumiputera yang berjaya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (i) (D.R. 15/2004) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004

DAN

- (ii) (D.R. 16/2004) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [13 Julai 2006]**

DAN

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad) akan mencadangkan:-

“Bahawa Laporan yang disiapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik oleh Majlis ini pada 20 Julai 2004, untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004, yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Bilangan DR 1 Tahun 2006 diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60”.

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R.15 /2006) | Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 14/2006) | Rang Undang-undang Ordinan No.7 (Kuasa ² Perlu) Dharurat (Pindaan) 2006 | “ |
| 4. | (D.R. 13/2006) | Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif (Pindaan) 2006 | “ |
| 5. | (D.R. 22/2006) | Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006 | “ |
| 6. | (D.R. 24/2006) | Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2006 | “ |
| 7. | (D.R. 25/2006) | Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006 | “ |

8. (D.R. 26/2006) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) **Bacaan Kali
2006 Yang Kedua**

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya Perintah-perintah Kastam seperti berikut:-

- (i) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No. 2) 2006 (ST. 163)
P.U. (A) 65 bertarikh 23 Februari 2006;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No. 3) 2006 (ST. 164)
P.U. (A) 66 bertarikh 23 Februari 2006;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2006 (ST. 165)
P.U. (A) 67 bertarikh 23 Februari 2006;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 2006 (ST. 166)
P.U. (A) 68 bertarikh 23 Februari 2006;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 2006 (ST. 167)
P.U. (A) 105 bertarikh 22 Mac 2006;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No. 4) 2006 (ST. 168)
P.U. (A) 106 bertarikh 22 Mac 2006;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No. 5) 2006 (ST. 169)
P.U. (A) 107 bertarikh 22 Mac 2006;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No. 6) 2006 (ST. 171)
P.U. (A) 142 bertarikh 6 April 2006; dan
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 2006 (ST. 172)
P.U. (A) 143 bertarikh 4 April 2006

Yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bil. ST. 163 hingga ST. 169 dan ST. 171 hingga ST. 172 tahun 2006 disahkan.

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1967 supaya Perintah Duti Eksais (Kenderaan Bermotor) (Bayaran) (Pindaan) 2006 (ST. 170) P.U. (A) 123 bertarikh 23 Mac 2006 yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST. 170 tahun 2006 disahkan.

11. **Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Kota Bharu untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Majlis Akhbar Malaysia 2006."

12. PR-1123-U4333

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa peranan yang dimainkan oleh Angkatan Relawan Negara atau RELA amatlah besar dalam memastikan keselamatan kampung-kampung dan persekitarannya dan mengambil maklum bahawa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menubuhkan lebih banyak lagi Platun Rela di seluruh negara. Ini tentu sekali akan memerlukan perbelanjaan yang besar bagi pakaian seragam iaitu menjangkau sebanyak RM338.00 bagi setiap seorang anggota dan mengambil maklum bahawa sekiranya dalam sebuah kawasan Parlimen memiliki 10 Platun RELA dengan keanggotaan seramai 30 setiap Platun, ini menjadikan jumlah anggota dalam kawasan adalah seramai 300 anggota dan jumlah kos pakaian adalah sebanyak RM101,400.00. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan Dana Khas bagi pembekalan pakaian seragam anggota RELA di seluruh negara dan dengan ini peruntukan wakil rakyat dapat disalurkan khas bagi tujuan pembangunan kawasan."

13. PR-1123-U4336

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa peranan yang dimainkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam mempertingkatkan lagi mutu pendidikan tinggi negara amatlah besar dan mengambil maklum bahawa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan pertanian sebagai asas utama pembangunan ekonomi negara seperti mana yang digariskan dalam RMK-9 dan mengambil maklum bahawa selaras cadangan penubuhan sekolah berasaskan pertanian yang menawarkan Diploma oleh Universiti Malaysia Sabah. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil alih Pusat Latihan Bersepadu (IATC) pertanian yang terletak di Putatan."

14. PR-1123-U4337
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-
" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa negara Malaysia kaya dengan kesenian terutama sekali dari jenis alat-alat bunyian dari seluruh kaum dan kumpulan etnik di Malaysia dan mengambil maklum bahawa semua jenis alat-alat muzik ini misalnya Kulintangan, Gong, Gambus dan lain-lain lagi mempunyai keunikan bunyinya sendiri. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menjalankan kajian terperinci bagi tujuan untuk memajukan dan memantapkan nilai komersial alat-alat bunyian ini dan dapat dipermudahkan untuk dijadikan produk muzik negara untuk tujuan dikomersialkan di luar negara."
15. PR-1123-U4453
Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
" Bahawa Dewan ini mendesak dengan seriusnya supaya satu siasatan akan dijalankan oleh pihak Kerajaan terhadap kesangsian penukaran Mykad daripada kad pengenalan dahulu yang menggunakan surat pengakuan sebagai dokumen asas untuk mendapatkan kad pengenalan tersebut dan siasatan kepada Jabatan Pendaftaran Sabah terhadap pengeluaran Sijil Kelahiran yang tidak menghiraukan kewarganegaraan ibu bapa serta kad pengenalan dahulu dengan no. siri H 05 dan sebagainya."
16. PR-1123-U4526
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-
" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengarahkan Kerajaan supaya mengimplimentasikan satu kaedah terbuka supaya semua harta benda yang diperolehi oleh semua Anggota dan kakitangan Kerajaan termasuk setiap ahli keluarga diisytiharkan secara terus di khalayak ramai dan Badan Pencegah Rasuah hendaklah meneliti pemerolehan harta benda ini dan membuat satu laporan kepada Parlimen setiap tahun."
17. PR-1123-U5253
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-
" Bahawa Dewan ini membahaskan permasalahan tanah runtuh, punca-punca bukit dimusnahkan dan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang terhadap orang-orang yang bersabit kesalahan. Dewan juga hendak mengetahui tindakan efektif Kerajaan tentang bencana Highland Towers pada 1993, Taman Hill View 2002 dan Kampung Pasir, Hulu Klang, 2006."

18. PR-1123-U5255
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-
" Bahawa Dewan ini memperbincangkan setakat mana Kerajaan telah melaksanakan 125 syor Laporan Suruhanjaya Polis, termasuk IPCMC. Apakah langkah baru PDRM untuk menuju ke sasaran pasukan berkelas dunia."
19. PR-1123-U5358
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."
20. PR-1123-U5360
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
" Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan."
21. PR-1123-U5362
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
" Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar-semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."
22. PR-1123-U5364
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
" Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."
23. PR-1123-U5365
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
" Bahawa dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

24. **Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Yang Di Pertua Dewan Rakyat telah silap dengan keputusannya dengan tidak mengemukakan penyata khas Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu Kertas Dewan Rakyat DR 9. Tahun 2005 pada 11.5.2006 yang lalu untuk dibahaskan.

Usul tersebut melibatkan pindaan serius yang memerlukan perbahasan yang mendalam serta penjelasan daripada pihak Kerajaan. Pindaan kepada Peraturan Majlis Mesyuarat yang dikemukakan di dalam Dewan sebelum ini ada dibuka untuk perbahasan Ahli-ahli.

Kegagalan pindaan dikemukakan untuk di bahas akan menimbulkan kesan yang serius di masa kelak semasa perjalanan mesyuarat, terutamanya semasa Ahli-ahli Parlimen (DR) memainkan peranannya membangkitkan hal ehwal kawasan masing-masing. Kekaburan pindaan turut akan menyebabkan salah tafsir untuk pemakaiannya semasa perjalanan Mesyuarat.

Oleh itu, keputusan Yang Di Pertua perlu diulangkaji semula.”

UCAPAN PENANGGUHAN

Tarikh Ucapan Dibuat	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
17.7.2006 (Isnin)	1. YB. Datuk Madius Tangau (Tuaran)	1. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk mengkaji sistem urustadbir kewarganegaran di Malaysia.	1. YB. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri
17.7.2006 (Isnin)	2. YB. Tuan Kulasegaran a/l Murugeson (Ipoh Barat)	2. Ketetapan atas Sri Lanka dicadangkan oleh Kementerian Luar Negeri dalam Parlimen Malaysia.	2. Y.B Menteri Luar Negeri

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR.7	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Mengenai Laporan Ketua Audit Negara Atas Akaun Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2003 (29 Ogos – 30 Ogos 2005)	17 Julai 2006

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.137	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	17 Julai 2006
ST.173	Akta Fi 1951 Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2006	17 Julai 2006
ST.179	Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237) Pindaan Kertas Statut 235 Tahun 1983 (Elaun dan Keistimewaan Ahli Parlimen)	17 Julai 2006
ST.183	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	17 Julai 2006
ST.184	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Julai 2006
ST.185	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Julai 2006
ST.186	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Julai 2006

<u>TAHUN</u> <u>2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.187	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	17 Julai 2006
ST.188	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	17 Julai 2006
ST.190	Laporan Tahunan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Bagi Tahun 2004	17 Julai 2006
ST.191	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Tahun 2005	17 Julai 2006
ST.192	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji Bagi Tahun 2005	17 Julai 2006